

NO SOALAN :30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
(SETIAWANGSA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.05.2016

Y.B. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI [SETIAWANGSA]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah pencarum KWSP yang ada di Malaysia dan berapakah jumlah pencarum yang masih belum memasukkan penama ke atas caruman mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 54 (1) Akta KWSP 1991 membenarkan ahli KWSP membuat penamaan yang akan berkuatkuasa selepas kematian ahli dan penamaan adalah bertujuan

untuk memudahkan dan mempercepatkan proses pengeluaran KWSP ahli apabila ahli meninggal dunia. Bagi ahli beragama Islam, penama adalah merupakan wasi / pentadbir ke atas simpanan ahli dan bertanggungjawab untuk mengagihkan simpanan si mati mengikut undang-undang Islam. Manakala, bagi ahli bukan Islam pula, penama adalah merupakan benefisiari atau pemilik mutlak kepada simpanan ahli.

Jumlah keseluruhan ahli KWSP setakat 31 Mac 2016 adalah seramai 14.69 juta yang mana 6.82 juta adalah ahli aktif. Daripada jumlah ini, seramai 4.05 juta ahli iaitu sebanyak 27.6 peratus dari keseluruhan ahli KWSP telah membuat penamaan.

Di antara faktor utama ahli tidak membuat penamaan adalah seperti di bawah:

- i. Pengetahuan dan kesedaran ahli mengenai konsep dan faedah membuat penamaan masih kurang;
- ii. Proses pengeluaran kematian semasa adalah mudah dan tidak mengambil masa yang lama bagi waris membuat tuntutan simpanan apabila ahli meninggal dunia; dan
- iii. Ahli beragama Islam berhasrat untuk membahagikan simpanan mengikut faraid, manakala, ahli bukan Islam

berkemungkinan berhasrat untuk membahagikan simpanan KWSP mengikut Surat Kuasa Mentadbir.

Sehubungan itu, KWSP secara berterusan mengadakan beberapa program kesedaran penamaan kepada ahli seperti berikut:

- i. Mengadakan kempen, iklan, siaran media, promosi serta taklimat awam untuk memberi penjelasan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman ahli untuk membuat penamaan;
- ii. Mempermudahkan membuat penamaan tanpa menjelaskan risiko pembayaran simpanan kepada waris; dan
- iii. Menyediakan dan memberi khidmat nasihat kepada ahli untuk membuat dan mengemaskini penamaan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Bagi kes-kes yang tiada penamaan, wang simpanan ahli akan diagihkan mengikut undang-undang seperti berikut :

1. Sekiranya amaun simpanan KWSP tidak melebihi RM25,000, simpanan akan dibayar kepada orang yang pada pandangan Lembaga yang berhak/waris menerima simpanan ahli selepas kematian ahli; dan

2. Bagi simpanan KWSP yang melebihi RM25,000 akan dibayar selepas pengemukaan Surat Perintah Pembahagian, Surat Kuasa Mentadbir, Surat Pemberian Probate atau Sijil Faraid, yang mana berkenaan.